



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2026–2030





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KKM 2026 – 2030

COPYRIGHT © KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

HAK CIPTA TERPELIHARA. TIDAK DIBENARKAN MENGELUAR ULANG ATAU MENCETAK MANA-MANA BAHAGIAN, ARTIKEL, ILUSTRASI DAN ISI KANDUNGAN BUKU INI DALAM APA JUGA BENTUK DAN DENGAN CARA APA JUA SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK, FOTOKOPI, MEKANIK RAKAMAN, ATAU CARA LAIN SEBELUM MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENERBIT.

DITERBITKAN OLEH:

Bahagian Pengurusan Maklumat,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 5, Blok E7,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Telefon : 03 8000 8000
E-mel : upspp@moh.gov.my

Cetakan pertama November 2025



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2026-2030

PERUTUSAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2026–2030 dapat dihasilkan dengan jayanya.

PSP KKM merupakan perancangan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan ke arah perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih cekap, peningkatan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan bisnes.

KKM komited ke arah Transformasi Digital Kesihatan secara menyeluruh untuk membina sistem kesihatan yang lebih berdaya tahan, saksama, mampan dan berpaksikan rakyat. 'Satu Individu, Satu Rekod Kesihatan' adalah visi utama KKM bagi memastikan setiap individu memiliki satu rekod kesihatan elektronik yang komprehensif dan dapat diakses oleh penyedia perkhidmatan kesihatan di seluruh Malaysia melalui pelaksanaan Rekod Perubatan Elektronik (EMR). Penggunaan *emerging technology* seperti kecerdasan buatan (AI) memberi kelebihan dan potensi besar untuk meningkatkan prestasi dan kualiti penjagaan kesihatan. Disamping itu juga pemerkasaan dan peningkatan infrastruktur serta keselamatan juga dititikberatkan di dalam PSP ini.

Pelaksanaan inisiatif pendigitalan dalam PSP KKM akan dapat menyelaraskan semua inisiatif serta memacu inovasi, akses data yang lebih baik dan selamat, mengurangkan jurang akses serta penyampaian perkhidmatan kesihatan lebih cekap dan cepat.

Saya menyeru agar seluruh warga KKM, termasuk rakan strategik dan pihak berkepentingan, menjadikan PSP KKM ini sebagai rujukan utama dalam perancangan dan pelaksanaan semua inisiatif berkaitan digital. Kejayaan pelan ini bergantung kepada sinergi antara dasar, sistem, teknologi dan yang paling utama, komitmen serta kecekapan modal insan agar matlamat 'Satu Individu, Satu Rekod Kesihatan' dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.



YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad
Menteri Kesihatan Malaysia

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030 (PSP KKM).

Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030 (PSP KKM) disusun sebagai dokumen utama KKM yang merangkumi perancangan menyeluruh dari pelbagai sudut seperti aplikasi, infrastruktur dan keselamatan digital, tatakelola digital serta pembangunan modal insan. Pendekatan berstruktur ini telah mengambil kira penjajaran dengan dasar utama Kerajaan yang membolehkan KKM memacu pelbagai inisiatif penting dalam menjayakan reformasi kesihatan digital yang dinamik dan inklusif serta menyumbang kepada pencapaian visi digital nasional Malaysia secara keseluruhan seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan Kertas Putih Kesihatan.

Pelan yang komprehensif akan dapat membantu merealisasikan pemerkasaan perkhidmatan kesihatan bersepadu dengan mengambil kira *interoperability* untuk berkomunikasi, bertukar data dan menggunakan maklumat tersebut secara keseluruhan bagi mencapai matlamat utama KKM iaitu 'Satu Individu, Satu Rekod Kesihatan'. Pendigitalan perlu mengadaptasi kemunculan teknologi baharu yang relevan untuk memacu penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih cekap dan efisien dengan mengambil kira elemen keselamatan digital yang merupakan asas yang tidak boleh dikompromi dan merupakan teras kepada kesinambungan perkhidmatan digital.

Saya menyeru agar semua ketua bahagian, jabatan, fasiliti kesihatan dan institusi kesihatan memimpin pelaksanaan pelan ini dengan komitmen tinggi, integriti dan kebertanggungjawaban. Marilah kita jayakan pendigitalan kesihatan ini sebagai komitmen bersama KKM untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti, saksama dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.



Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad
Ketua Setiausaha | KSU

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESIHATAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan atas kejayaan menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030 (PSP KKM). Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menghasilkan dokumen ini.

Sistem kesihatan pada masa kini memerlukan transformasi pendigitalan secara menyeluruh yang didorong pelbagai faktor seperti peningkatan penyakit kronik, peningkatan kos kesihatan dan jangkaan tinggi daripada rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh KKM. Transformasi Kesihatan Digital amat diperlukan untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti penjagaan, memacu perubahan paradigma ke arah pencegahan dan memastikan kesinambungan serta *interoperability* di antara sektor awam dan swasta.

Transformasi digital menyediakan rangka kerja teknikal yang membolehkan petugas kesihatan mendapat gambaran lengkap kesihatan pesakit, di mana sahaja mereka mendapatkan rawatan. Penyediaan sistem mempunyai adaptasi *emerging technologies* ke arah peningkatan keupayaan akses perkhidmatan kesihatan secara maya dengan mengambil kira keperluan peningkatan infrastruktur serta keselamatan digital diperlukan untuk memudahkan petugas kesihatan.

Penghasilan PSP KKM adalah tepat pada masanya sebagai *blueprint* untuk menangani isu dan cabaran sedia ada bagi membina sistem kesihatan yang cekap, inklusif, mampan dan berpaksaan rakyat.

Harapan saya agar pelan ini dapat mengubah secara fundamental sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan untuk manfaat rakyat dan petugas kesihatan. Saya juga berharap agar semua pihak berganding bahu untuk melaksanakan inisiatif pendigitalan yang telah dirancang agar 'Satu Individu, Satu Rekod Kesihatan' dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.



Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab
Ketua Pengarah Kesihatan | KPK

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL KKM

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Selaku Ketua Pegawai Digital KKM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepakaran dalam pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030 (PSP KKM). Pelan ini adalah kesinambungan daripada usaha terdahulu (PSP KKM 2021–2025), namun dikemaskini dengan semangat baharu selaras dengan aspirasi nasional, digitalisasi sektor awam dan reformasi sistem kesihatan.

PSP KKM dihasilkan dengan teliti setelah mengambil kira pelbagai isu dan cabaran di lapangan bagi mewujudkan inisiatif-inisiatif pendigitalan yang bersepadu, cekap dan berkesan. Pelan ini telah digarap dengan mengambil kira penyelarasan bagi mengelakkan duplikasi fungsi seterusnya mengoptimumkan sumber dan keberkesanan kos dalam menyokong bisnes KKM. Faktor-faktor ini amat penting dalam memastikan setiap inisiatif dilaksanakan berdaya maju (*viable*), menghasilkan nilai tambah yang signifikan dan berimpak tinggi kepada KKM.

Strategi yang digariskan dalam pelan ini juga bermatlamat untuk menyokong Transformasi Kesihatan Digital termasuk *emerging technology*, perkongsian dan analitikal data, peningkatan infrastruktur, pemerkasaan keselamatan siber, tadbir urus digital, inovasi teknologi dan pembudayaan digital bagi mencapai ekosistem pendigitalan yang cekap dan berdaya tahan.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar kita semua menjadikan pelan ini sebagai rujukan dalam tindakan mentransformasi sistem kesihatan negara yang lebih berdaya tahan, keterangkuman dan bersedia untuk cabaran masa depan. Kejayaan PSP KKM bergantung kepada penglibatan aktif semua warga KKM yang bukan sekadar transformasi teknologi, tetapi juga melibatkan transformasi budaya kerja dan kepimpinan.

Sekian, terima kasih.



Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) /
Ketua Pegawai Digital | CDO

PERUTUSAN SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, dokumen Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2026–2030 berjaya dihasilkan melalui kolaborasi dan usaha gigih warga kerja KKM dari pelbagai peringkat.

Sebagai Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sistem maklumat kesihatan, PSP KKM dijadikan sebagai platform utama untuk menyelaraskan semua inisiatif digital mengikut kerangka yang telah ditetapkan selari dengan agenda yang dirancang di peringkat nasional mahupun KKM. Penjajaran *Enterprise Architecture* (EA) dengan inisiatif pendigitalan yang dirancang telah dibangunkan bagi memastikan penyelarasan keupayaan bisnes dan ICT secara strategik.

Pelan yang dibangunkan mengandungi empat teras utama yang menjajarkan inisiatif pendigitalan dengan keperluan operasi KKM bagi mencapai transformasi kesihatan digital yang menyeluruh. Strategi-strategi di bawah teras yang dibangunkan telah memperincikan lagi pelan tindakan yang lebih spesifik untuk mencapai objektif teras tersebut.

Penyediaan infrastruktur ICT yang mantap dan selamat merupakan kepentingan kritikal dan prasyarat utama untuk menjayakan inisiatif pendigitalan KKM terutamanya dalam pelaksanaan Rekod Perubatan Elektronik (EMR). Adaptasi teknologi baharu dapat mempercepatkan dan melonjakkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan seperti analitikal data dan telekesihatan.


Saya amat berharap agar PSP KKM ini dijadikan rujukan utama oleh semua pemilik bisnes supaya pelaksanaan inisiatif digital dapat di selaras dan dipantau melalui tatakelola digital yang telah ditambah baik. Semoga segala usaha kita ini diberkati dan memberi impak kepada sistem kesihatan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.



Puan Rohayati binti Ramli

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat



ABSTRAK

Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2026–2030 merupakan dokumen strategik yang merangka hala tuju pendigitalan KKM bagi tempoh lima (5) tahun sejajar dengan aspirasi nasional di bawah RMK13, Kertas Putih Kesihatan serta Pelan Strategik KKM 2026–2030. Pelan ini berfungsi sebagai *blueprint* pendigitalan yang komprehensif untuk memacu transformasi perkhidmatan kesihatan ke arah sistem yang lebih moden, cekap dan inklusif. PSP KKM 2026–2030 menggariskan 15 strategi, 31 program dan 35 subprogram yang memfokuskan kepada pengukuhan aplikasi dan infrastruktur kesihatan digital, pemodenan penyampaian perkhidmatan, pemantapan tadbir urus digital serta pembangunan modal insan berasaskan kompetensi dan budaya digital. Pelaksanaan pelan ini dijangka memperkukuh ekosistem kesihatan digital negara secara mampan dan menyeluruh.

ISI KANDUNGAN

○	Perutusan Menteri Kesihatan Malaysia	i
○	Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia	ii
○	Perutusan Ketua Pengarah Kesihatan	iii
○	Perutusan Ketua Pegawai Digital KKM	iv
○	Perutusan Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat	v
○	Abstrak	vi

1	Pengenalan
2	Visi Dan Misi Pendigitalan
3	Teras Strategik, Strategi dan Program Pendigitalan
4	Teras Strategik ICT dan Objektif
5	Rangka Kerja PSP KKM 2026–2030
7	Penjajaran Teras Strategik PSP KKM 2026–2030 kepada Hala Tuju Pendigitalan Sektor Awam Malaysia 2026–2030, SDG 2030 dan MyDIGITAL 2030
8	Penjajaran RMK13 dan Pelan Strategik KKM 2026–2030 kepada PSP KKM 2026–2030
9	Teras 1
18	Teras 2
22	Teras 3
24	Teras 4
29	Pelan Pelaksanaan
34	Faktor Kritikal Kejayaan
35	Inisiatif Utama KKM
37	Kesimpulan
38	Pasukan Projek Pembangunan PSP KKM 2026–2030
39	Penghargaan



PENGENALAN

Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2026–2030 digubal sebagai dokumen hala tuju yang menyeluruh, berfokus, dan bersepadu bagi memperkasa transformasi digital sektor kesihatan negara. Pelan ini merupakan perancangan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan digital ke arah perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan bisnes.

PSP KKM 2026–2030 akan menekankan pembangunan infrastruktur digital yang mampan, pengukuhan tatakelola dan keselamatan siber, pemodenan aplikasi kesihatan digital, serta pembangunan modal insan yang kompeten. Pelaksanaan pelan ini akan memastikan KKM kekal relevan, responsif dan inklusif dalam mendepani cabaran semasa serta bersedia menghadapi keperluan masa depan sistem kesihatan negara.

Pelan ini akan menjadi rujukan dalam pelaksanaan program pendigitalan KKM untuk tahun 2026 hingga tahun 2030. Hala tuju pendigitalan KKM ini dijelaskan menerusi pernyataan visi dan misi pendigitalan, teras strategik, strategi, program serta pelan tindakan pendigitalan.

VISI

PENDIGITALAN SEBAGAI PEMACU
PERKHIDMATAN KESIHATAN MODEN,
CEKAP DAN INKLUSIF



MISI

- MEMPERKUKUHKAN APLIKASI DAN INFRASTRUKTUR KESIHATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT BAGI MENYOKONG PEMODENAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN
- MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL MELALUI TATAKELOLA DIGITAL DAN MODAL INSAN YANG CEKAP, TELUS DAN INKLUSIF



STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

	STRATEGI	PROGRAM	SUBPROGRAM
TERAS 1 Memperkasakan Aplikasi Kesehatan Digital Bersepadu	4	13	12
TERAS 2 Memperkasakan Ekosistem Infrastruktur Berteraskan Teknologi Termaju	4	6	11
TERAS 3 Memperkasakan Keselamatan Digital Secara Holistik dan Adaptif	3	3	5
TERAS 4 Memperhebat Tatakelola dan Kepimpinan Digital	4	9	7
	15	31	35

TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF



MEMPERKASAKAN APLIKASI KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU

1. Membangun, menaik taraf, dan mengintegrasikan aplikasi kesihatan seperti EMR, sistem pengurusan perkhidmatan kesihatan, portal, repositori dan aplikasi mudah alih bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan digital yang menyeluruh, inklusif, efektif, dan responsif untuk menyokong inisiatif SIHAT360.
2. Memperluas penggunaan platform digital bersepadu untuk menyokong sokongan fungsian, pemodenan perkhidmatan serta memudahkan perkongsian dan akses maklumat kesihatan secara selamat dan cekap untuk menyokong inisiatif SIHAT360.
3. Menyelaras, menyeragam dan mengoptimumkan pelaksanaan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan di peringkat ibu pejabat, agensi dan fasiliti kesihatan melalui pendekatan perkongsian pintar antara agensi bagi mengelakkan pertindihan pembangunan aplikasi, penyeragaman dan memaksimumkan penggunaan sumber Kerajaan secara efisien dan berimpak tinggi.



MEMPERKASAKAN EKOSISTEM INFRASTRUKTUR BERTERASKAN TEKNOLOGI TERMAJU

1. Pemerkasaan infrastruktur yang menyeluruh dan memenuhi keperluan teknologi terkini.
2. Pengoperasian infrastruktur stabil serta jaminan kesinambungan perkhidmatan yang responsif dan cekap.



MEMPERKASAKAN KESELAMATAN DIGITAL SECARA HOLISTIK DAN ADAPTIF

1. Mewujudkan ekosistem digital yang selamat, dipercayai dan tahan terhadap sebarang bentuk ancaman siber.
2. Memastikan pelaksanaan dasar keselamatan siber melalui tadbir urus yang cekap dan bersepadu.



MEMPERHEBAT TATAKELOLA DAN KEPIMPINAN DIGITAL

1. Memperkukuh dasar, pematuhan, keselamatan siber, dan rangka kerja tatakelola digital bagi memastikan integriti, keselamatan dan keberkesanan sistem kesihatan digital.
2. Membangunkan keupayaan, kompetensi dan kepimpinan modal insan melalui pembudayaan kemahiran digital, inovasi strategik dan pengurusan perubahan yang berkesan.

RANGKA KERJA PSP KKM 2026–2030



VISI

S1 :
Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan

S2 :
Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif

S3 :
Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh

S4 :
Pemeriksaan Infostruktur Perkhidmatan Kesihatan

MEMPERKASAKAN
APLIKASI KESIHATAN
DIGITAL BERSEPADU



TERAS 1

TERAS 4

S1 :
Pemantapan Dasar dan Pematuan Tatakelola Kesihatan Digital

S2 :
Pengukuhan Organisasi dan Tatakelola Digital Kementerian


S3 :
Pemantapan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Persekitaran Digital

S4 :
Peningkatan Keupayaan Kepimpinan Digital


MEMPERHEBAT
TATAKELOLA DAN
KEPIMPINAN
DIGITAL



PENDIGITALAN SEBAGAI PEMACU PERKHIDMATAN KESIHATAN MODEN, CEKAP DAN INKLUSIF



PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PSP KKM 2026–2030 KEPADA HALA TUJU PSPSA 2026–2030, SDG 2030 DAN MYDIGITAL 2030




PENJAJARAN RMK13 DAN PELAN STRATEGIK KKM 2026–2030 KEPADA PSP KKM 2026–2030

RMK13: REFORMASI KESIHATAN

TERAS STRATEGIK PS KKM 2026–2030

TS 1	TS 2	TS 3	TS 4	TS 5	TS 6
Mentransformasi Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Secara Berintegrasi	Memperkasa Promosi Kesihatan, Pencegahan Penyakit dan Keterjaminan Kesihatan & Makanan	Memastikan Pembiayaan Kesihatan yang Mampan dan Saksama	Memantapkan Tadbir Urus dan Struktur Sistem Kesihatan	Memperkukuh Pendigitalan Dalam Kesihatan	Memperkukuh Keterjaminan Ubat & Peranti Perubatan

TERAS STRATEGIK PSP KKM



TERAS 1

MEMPERKASAKAN APLIKASI KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU

01

STRATEGI 1

Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan

02

STRATEGI 2

Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif

03

STRATEGI 3

Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh

04

STRATEGI 4

Pemerkasaan Infostruktur Perkhidmatan Kesihatan



PROGRAM 1

Pelaksanaan Aplikasi EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh

STRATEGI 1

Penguatan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan

STRATEGI 2

STRATEGI 3

STRATEGI 4

OBJEKTIF

1. Mendigitalkan perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti kesihatan.
2. Memastikan sistem kesihatan digital mampu saling kebolehkendalian dengan keperluan data standard bagi perkongsian ringkasan rekod pesakit antara fasiliti kesihatan.
3. Meningkatkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin (ML) bagi menyokong *clinical decision support*, *predictive analysis* dan *precision public health*.

SUBPROGRAM 1

Peluasan Total Hospital Information System (THIS) di Hospital (2026 – 2029)

SUBPROGRAM 2

Peluasan Cloud Based Clinic Management System (CCMS) di Fasiliti Kesihatan Primer (2026 – 2028)

SUBPROGRAM 3

Peluasan Dental Information System (DIS) di Fasiliti Kesihatan Pergigian (2027 – 2029)

PROGRAM 2

Naik Taraf Aplikasi EMR Yang Kukuh dan Komprehensif

OBJEKTIF

1. Penambahbaikan dan naik taraf aplikasi EMR sedia ada.
2. Meningkatkan kebolehcapaian dan mobiliti aplikasi EMR.

AKTIVITI

1. Naik Taraf Sistem Dental Information System (DIS) Di Fasiliti Kesihatan Pergigian (2026 – 2030)
2. Naik Taraf Hospital Information System (HIS) Sedia Ada (2026 – 2030)

STRATEGI 1

Penguatan
Perkhidmatan
Kesihatan Digital
yang Inklusif dan
Mampan

STRATEGI 2

STRATEGI 3

STRATEGI 4

PROGRAM 3

Pembangunan Aplikasi Sokongan EMR Yang Holistik dan Cekap

OBJEKTIF

1. Membangunkan aplikasi sokongan EMR yang menyeluruh dan responsif untuk melengkapi fungsi klinikal utama, memperkukuh interoperabiliti, serta menyokong analitik dan pengurusan data secara lebih berkesan.
2. Membangunkan aplikasi sokongan EMR yang mengoptimumkan aliran kerja klinikal, meningkatkan keselamatan dan kualiti penjagaan pesakit, serta menyediakan integrasi automatik dengan sistem kesihatan lain secara lancar dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

AKTIVITI

- | | |
|--|---------------|
| 1. Pembangunan Forensic Information System (FRIS) | (2026 – 2028) |
| 2. Pembangunan My Transplant Immunology Information System (MyTRIIS) | (2027 – 2030) |
| 3. Pembangunan Maternal and Child Mortality Information System (MyMIS) | (2027 – 2030) |
| 4. Pembangunan RIS – PACS | (2028 – 2030) |

PROGRAM 4

Naik Taraf Aplikasi Sokongan EMR Yang Kukuh dan Komprehensif

OBJEKTIF

1. Melaksanakan penaiktarafan aplikasi sokongan EMR sedia ada agar lebih kukuh, komprehensif, dan mesra pengguna.
2. Meningkatkan fungsi aplikasi sokongan EMR melalui inovasi digital dan automasi proses.

AKTIVITI

- | | |
|---|---------------|
| 1. Naik Taraf Blood Bank Information System Version 3 (BBIS v3) | (2026 – 2029) |
| 2. Naik Taraf Critical Care Information System (CCIS) | (2026 – 2030) |
| 3. Naik Taraf Oncology Information System (OIS) | (2026 – 2030) |
| 4. Naik Taraf Pharmacy Information System (MyPhIS) | (2026 – 2030) |

PROGRAM 5

Peluasan Aplikasi Sokongan EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh

OBJEKTIF

1. Melaksanakan peluasan aplikasi sokongan EMR sedia ada agar lebih menyeluruh dan seragam dengan menekankan aspek keselamatan data, kebolehskalaan, serta keupayaan integrasi bersepadu untuk memenuhi keperluan klinikal dan kesihatan awam.
2. Memastikan peluasan aplikasi sokongan dapat mempercepatkan aliran kerja klinikal, mengurangkan beban pentadbiran, serta memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien dan berkualiti.

AKTIVITI

- | | |
|--|---------------|
| Peluasan Sistem Blood Information Versi 2 (BBISv2) | (2026 – 2029) |
|--|---------------|

PROGRAM 1

Pembangunan Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu

STRATEGI 1

STRATEGI 2

Penguatan
Perkhidmatan
Kesihatan Digital
Bersepadu dan
Responsif

STRATEGI 3

STRATEGI 4

OBJEKTIF

1. Membangunkan platform digital maklumat kesihatan bersepadu.
2. Mewujudkan platform interoperabiliti kesihatan nasional sebagai tulang belakang integrasi data kesihatan berasaskan piawaian antarabangsa.

AKTIVITI

Pembangunan Platform National Health Interoperability (2028 – 2030)
Platform (NHIP)

PROGRAM 2

Naik Taraf Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu

OBJEKTIF

1. Meningkatkan keberkesanan platform digital kesihatan.
2. Melaksanakan peningkatan platform digital kesihatan dan gudang data kesihatan/pusat data bersepadu sedia ada.

AKTIVITI

1. Kajian Platform MySejahtera (2026)
2. Migrasi Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) ke Persekitaran Perkomputeran Awan (2026 – 2030)
3. Peningkatan aplikasi MySejahtera (2026 – 2030)

PROGRAM 3

Pemeriksaan Aplikasi Kesihatan Populasi (*Population Health*)

OBJEKTIF

1. Memperkasa aplikasi kesihatan populasi sebagai pelengkap kepada sistem EMR.
2. Melaksanakan penaiktarafan aplikasi kesihatan populasi sedia ada.
3. Membangunkan aplikasi baharu berasaskan data raya dan teknologi pintar yang menyokong EMR sebagai sumber utama.

AKTIVITI

1. Pembangunan Malaysia Nutrition Information System (MyNIS) (2026 – 2029)
2. Pembangunan Electronic National Centre for Disease Control (eNCDC) (2026 – 2029)
3. Naik Taraf Sistem MyUBAT (2026 – 2030)
4. Naik Taraf Sistem IT MENTARI Versi 3.0 (MITS3.0) (2026 – 2030)

PROGRAM 1

Pembangunan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan

STRATEGI 1

STRATEGI 2

STRATEGI 3

Pemantapan
Pengurusan dan
Sokongan
Perkhidmatan
Kesihatan
Menyeluruh

STRATEGI 4

OBJEKTIF

1. Membangun sistem pengurusan dan sistem sokongan fungsian perkhidmatan kesihatan dengan menggabungkan teknologi baru muncul bagi keperluan.
2. Wujudkan rangka kerja pembangunan sistem *in-house*.
3. Membangun dan menambah baik sistem aplikasi dengan integrasi teknologi pintar (*Generative AI*, *chatbot*, visualisasi interaktif) supaya mempercepatkan operasi, mudah akses maklumat dan mesra pengguna.

SUBPROGRAM 1

Pembangunan Aplikasi *Management Services*

• Sistem Perpustakaan Bersepadu Koha	(2026)
• CareOne	(2026)
• Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (eSPKP)	(2026 – 2027)
• Dashboard Tatatertib KKM	(2026 – 2027)
• Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM	(2026 – 2027)
• Sistem Kewangan Bersepadu	(2026 – 2028)
• Sistem eHemodialisis	(2026 – 2028)
• Sistem MyPrestasiKKM	(2026 – 2028)
• Pengurusan Naik Pangkat dan Pemangkuan (MyNPP)	(2026 – 2028)
• Sistem Pertukaran Suka Sama Suka (P3S)	(2026 – 2030)
• PRISMA II	(2026 – 2030)
• Human Resource Information System (HRIS)	(2027 – 2030)

SUBPROGRAM 2

Pembangunan Aplikasi *Functional Support*

• Sistem Pelaporan Kemajuan Inisiatif Organisational Anti Corruption Plan KKM (SPKI)	(2026)
• Pharmaceutical Track & Trace System (PTTS)	(2026)
• Sistem Inventori Reagen	(2026)
• Sistem Reward MyCHAMPION	(2026 – 2027)
• National T&CM Services Repository (NTCMR)	(2026 – 2027)
• ILKKM LUMINA (Learning Universe with Modern Interactive Navigation & Assessment)	(2026 – 2027)
• Medical Device Centralised Online Application System (MEDCAST) 3.0	(2026 – 2028)
• Disease Recognition and Real-time Differentiation by Using Artificial Intelligence (DrRED.ai)	(2026 – 2028)
• Medical Register Information and Technical System (MeRITS) 2.0	(2026 – 2028)
• Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat Malaysia (SPMJM)	(2026 – 2028)
• Sistem Maklumat Farmasi (MyPharma-C 2.0)	(2026 – 2028)
• Sistem Pembangunan Integrated Quality, Efficacy and Safety System (QUEST 5)	(2026 – 2028)
• Sistem Computerised Maintenance Management System (CMMS)	(2026 – 2028)
• KKM Performance Dashboard	(2026 – 2028)
• Sistem Clearinghouse 2.0	(2026 – 2030)
• Sistem Pengurusan Kes Digital Forensik (CyForS)	(2026 – 2030)
• Sistem Digital Inspektorat dan Perundangan (SDIP)	(2026 – 2030)
• Sistem Saringan Resilien MyRAT-25	(2027 – 2028)
• Pengumpulan Data Penyelidikan Berintegrasi (eNHMS)	(2027 – 2028)
• Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM)	(2027 – 2029)
• Sistem Good Clinical Practice (GCP)	(2027 – 2030)

PROGRAM 2

Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan

OBJEKTIF

1. Menaik taraf dan memperluas aplikasi pengurusan serta sistem sokongan fungsian perkhidmatan kesihatan dengan menggabungkan teknologi baharu dan pintar bagi mempercepatkan operasi, meningkatkan kebolehaksesan maklumat, memperkukuh tadbir urus data, serta mempertingkatkan pengalaman pengguna ke arah perkhidmatan kesihatan digital yang cekap, mesra pengguna dan berimpak tinggi.
2. Pemodenan sistem aplikasi sedia ada bagi meningkatkan *user experience and accessibility* bagi memperluas capaian sistem melalui pelbagai peranti termasuk mudah alih.

SUBPROGRAM 1

Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Management Services*

- Sistem ePengamal2.0 (2026)
- Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Lulusan Kepakaran (ePAKAR) (2026)
- Sistem Maklumat Pengurusan Tanah (eSMPT) (2026)
- Portal KKMNOW (2026 – 2027)
- Sistem Pengurusan Peruntukan Pembangunan, KKM (eDE) (2026 – 2027)
- Sistem Pemilihan Penempatan Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi (ePlacement) (2026 – 2030)

SUBPROGRAM 2

Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Functional Support*

- Editorial Board for International Medical Research Journal (IMRJ) (2026)
- Sistem MyHPIS V2 (2026 – 2027)
- Sistem Bekalan Air & Kebersihan Alam Sekitar (eBAKAS) (2026 – 2027)
- Sistem Healthier Choice Logo (HCL) (2026 – 2027)
- My Medical Radiation System (MyRADIA) (2026 – 2027)
- National DRG (Sistem DRG Kebangsaan) (2026 – 2027)
- Sistem eCML (2026 – 2027)
- Global Information Hub on Integrated Medicine (GlobinMed) (2026 – 2027)
- Learning Management System (2026 – 2028)
- Mynda Call Center (2026 – 2028)
- eBiostatistics System (2026 – 2028)
- MyTGP (Talent Grooming Programme) (2026 – 2028)
- Sistem Malaysian Health Performance Dashboard (MASH) (2026 – 2028)
- Sistem Online Monitoring of Continuing Professional Development (myCPD) (2026 – 2029)
- Sistem Registri Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (ePPKZM) (2027 – 2028)
- Sistem Pelaksanaan, Pemantauan dan Pelaporan, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (SP-NPANM) (2027 – 2028)
- Sistem Kualiti Mutu Air Minum (KMAM) (2027 – 2030)
- Medical Device Centralized Reporting System (MEDCREST) (2028 – 2030)
- Sistem eDPF 2.0 (Sistem Daftar Penguatkuasaan Farmasi) (2028 – 2030)
- Asset And Services Information System AI Technology (ASIS) (2028 – 2030)

STRATEGI 1

STRATEGI 2

STRATEGI 3

Pemantapan
Pengurusan dan
Sokongan
Perkhidmatan
Kesihatan
Menyeluruh

STRATEGI 4

PROGRAM 3

Penyelarasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan

OBJEKTIF

1. Menyelaras pembangunan aplikasi pengurusan dan sokongan yang merangkumi fungsi perkhidmatan *management services* dan *functional support* agar tiada pertindihan.
2. Peluasan aplikasi secara perkongsian pintar untuk mengelakkan pembaziran sumber Kerajaan.
3. Penyelarasan dan standardisasi platform digital KKM untuk aplikasi generik untuk keseragaman, menepati piawaian teknologi, keselamatan dan reka bentuk konsisten bagi memudahkan penyelenggaraan dan penjimatan sumber jangka panjang.

AKTIVITI

Penyelarasan Aplikasi *Management Services*

- | | |
|--|---------------|
| • Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP) | (2026) |
| • Sistem Pengurusan Fasiliti | (2026 – 2028) |
| • Sistem eKehadiran | (2026 – 2028) |
| • Sistem ePrestasi | (2026 – 2028) |
| • Sistem eKenderaan | (2026 – 2030) |
| • Sistem Pengurusan Aset ICT | (2026 – 2030) |
| • Sistem Pemantauan Kursus (eSPK) | (2027 – 2028) |

PROGRAM 1

Penguatan Repositori dan Aplikasi Kesihatan Digital

OBJEKTIF

1. Menyediakan repositori kesihatan nasional dan aplikasi pengurusan kesihatan digital baharu.
2. Menggalakkan dan memudahcara integrasi antara sistem.
3. Meningkatkan interoperabiliti sistem antara agensi.
4. Memperkukuh tadbir urus data dan keselamatan siber
5. Mewujudkan platform pengurusan maklumat fasiliti dan pegawai secara berpusat (*Single Data Entry*).

SUBPROGRAM 1

Pembangunan Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan

- Repositori DSpace (2026)
- Medical Programme Information System (MPIS) FASA 1 (2026 – 2028)
- Medical Programme Information System (MPIS) FASA 2 (2026 – 2029)
- Aplikasi Reten Makmal Patologi Kesihatan Primer (2026 – 2030)
- Sistem Data Malaysia National Health Accounts (MNHA) (2026 – 2030)
- Aplikasi Mudah Alih Wellness (2028 – 2029)
- Integrasi Hub bagi Inisiatif Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) (2028 – 2030)

SUBPROGRAM 2

Naik Taraf Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan

- Portal MyHealth (2026)
